

Malaysia miliki empat satelit

Oleh MOKHTAR HANAFIAH

KUALA LUMPUR 13 Jan. — Malaysia akan memiliki empat satelit, dua daripadanya satelit mikro buatan tempatan menjelang penghujung abad ini.

Satelit pertama, MEASAT-1 akan dilancarkan pada 20 Disember tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pelancaran MEASAT-1 akan diikuti pelancaran MEASAT-2 pada Julai 1996 manakala dua satelit mikro itu akan dilancarkan Julai 1997 dan tahun 2000.

"Keempat-empat satelit itu yang akan dilancarkan ke orbit sebelum penghujung abad ini akan

meletakkan Malaysia di tempat yang kukuh di kalangan negara-negara yang memiliki dan mengendalikan satelit," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di majlis pelancaran program Satelit Mikro Konsortium Penyelidikan Telekomunikasi dan Angkasa Lepas Malaysia (MAXSTAR), di sini, hari ini.

Landasan

Kata Dr. Mahathir lagi, keempat-empat satelit itu akan menyediakan landasan untuk mengembangkan teknologi angkasa lepas dan telekomunikasi negara pada masa hadapan.

"Kita berharap projek projek ini akan memajukan teknologi angkasa lepas negara dan menjadi-

kan Malaysia antara negara pertama di rantau ini yang berupaya melancarkan kapal angkasa buatannya sendiri kelak," jelas beliau.

Industri angkasa lepas Malaysia dipelopori oleh Binariang Sdn. Bhd. iaitu konsortium yang diberi lesen oleh kerajaan untuk memiliki dan mengendalikan MEASAT-1 dan MEASAT-2 serta menyediakan rangkaian telekomunikasi terkini di Malaysia.

Binariang yang mempunyai dana pemegang saham bernilai RM260 juta memperuntukkan RM3.5 bilion sehingga tahun 1998 terhadap projek MEASAT-1 dan MEASAT-2 meliputi pembinaan pelbagai infrastruktur telekomunikasi.

MEASAT-1 yang melibatkan pelaburan RM1

bilion kini sedang dibina oleh Hughes Aircraft Co. (HAC), Amerika Syarikat manakala Arianespace dari Perancis akan melancarkannya dari Kurou, French Guyana.

Sementara itu, kedua-dua satelit mikro tersebut pula akan direkabentuk dan dibina oleh konsortium tenaga tempatan dalam MAXSTAR dengan bantuan kepakaran Indian Space Research Organisation (ISRO).

Satelit-satelit mikro bernilai antara RM45 juta hingga RM50 juta itu akan dilancarkan oleh Arianespace manakala HAC akan melatih dua kakitangan akademik Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mewujudkan kursus Teknologi dan Aplikasi Satelit di USM.